

23 AUG 2003

GERAKAN-MCA

MCA BERSEDIA BEKERJASAMA DENGAN GERAKAN, KATA ONG

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- MCA menegaskan lagi bahawa parti itu bersedia bekerjasama dengan Gerakan untuk faedah masyarakat berbilang bangsa, kata presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini.

Beliau berkata semua anggota parti berkongsi pendapat yang sama.

"Kita perlu berkhidmat di peringkat negeri, pusat dan bahagian serta mewujudkan lebih banyak hubungan dengan Gerakan. Kita mesti banyakkkan lagi hubungan dan kerjasama jika ada isu yang sama," kata beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri pembukaan Persidangan Perwakilan Kebangsaan Gerakan ke-32 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Kita sedia berkerjasama untuk faedah masyarakat berbilang bangsa. Jika ada isu melibatkan orang ramai, kita perlu persetujuan dan bekerjasama ke arah yang sama," kata Ong.

Cakap terbuka sahaja tidak mencukupi, marilah kita berpegang tangan untuk faedah orang ramai, kata beliau.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata sistem perkongsian kuasa membuktikan kepada dunia luar bahawa perpaduan boleh dikekalkan dalam negara berbilang bangsa.

"Saya percaya sistem sekarang yang lebih 43 tahun telah menunjukkan negara boleh melindungi kepentingan orang ramai. Jika orang ramai bersatu mereka boleh mewujudkan kerajaan walaupun ada perbezaan agama dan bangsa," kata Samy Vellu.

Jika ada perpaduan, masyarakat dengan senangnya menjalankan tanggungjawab mereka, kata beliau.

-- BERNAMA

VP HS BK